

**Bahagian C**

[25 markah]

[Masa dicadangkan: 35 minit]

*Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab satu soalan sahaja.*

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah antara 80 hingga 120 patah perkataan.*

**Soalan 1**

Unit kesihatan di sekolah kamu telah mengadakan kempen kesihatan.

Sebagai setiausaha, kamu diminta menulis laporan tentang kempen tersebut.

Tulis laporan itu selengkapnya.

**ATAU**

**Soalan 2**

*Di mana-mana dia berdiri di muka muridnya  
Di sebuah sekolah mewah di Ibu Kota  
Di bangunan tua sekolah Hulu Terengganu  
Dia adalah guru mewakili seribu buku;  
Semakin terpencil duduknya di ceruk desa  
Semakin bererti tugasnya kepada negara.*

*Jadilah apa pun pada akhir kehidupanmu, guruku  
Budi yang diapungkan di dulangi ilmu  
Panggilan keramat “cikgu” kekal terpahat  
Menjadi kenangan ke akhir hayat.*

*Rangkap di atas merupakan sebahagian daripada sajak “Guru Oh Guru”. Baris-baris tersebut memaparkan budi dan jasa guru yang sukar untuk dilupakan.*

Berdasarkan maksud baris-baris sajak tersebut, tulis karangan tentang “Guru yang Saya Kagumi”.

Tulis karangan itu selengkapnya.

## **BAHAGIAN C**

**No. Soalan**

25

KERTAS SOALAN TAMAT

**zSkema Jawapan BM SET 2****Idea Cadangan****Bahagian A**

- mengibarkan bendera
- berasa seronok dan gembira
- menyanyikan lagu-lagu patriotik
- menyanyi dalam kumpulan
- menonton persembahan
- mengecat bendera/ dinding / balai bacaan
- bergotong-royong membersihkan sekolah
- pertandingan mewarna bendera
- membersihkan kawasan taman

\* Nota: Idea-idea lain yang berkaitan boleh diterima.

**Bahagian B****Pendahuluan**

- keputusan perlawanan bagi lima daerah dalam Pertandingan Liga Bola Sepak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Johor (MSSJ)

**Idea Cadangan**

- perlawanan antara pasukan daerah Kluang dengan pasukan daerah Pontian  
– Kluang menang
- Johan keseluruhan bagi Kumpulan A – pasukan daerah Kluang – 12 mata
- Pasukan daerah yang tidak memenangi sebarang perlawanan – pasukan daerah Segamat
- Pasukan yang tidak dibolosi – Kluang
- Pasukan yang dijangka mara ke perlawanan separuh akhir – pasukan daerah Kluang dan pasukan daerah Mersing

**Penutup**

- setiap pasukan daerah perlu mengadakan latihan berterusan bagi membentuk pasukan yang lebih mantap
- Pasukan yang kalah perlu membuat perancangan yang lebih awal untuk meningkatkan mutu permainan

\* Nota: Idea-idea lain yang berkaitan boleh diterima.

**Bahagian C****Soalan 1****Pendahuluan**

- Tarikh/tempat/masa/perkara/tema kempen

**Idea Cadangan**

- tujuan kempen diadakan
  - menyedarkan murid pentingnya menjaga kesihatan
  - mengeratkan tali silaturahim
  - memberikan maklumat tentang pelbagai penyakit

- gotong-royong membersihkan kawasan sekolah
- pertandingan kuiz kesihatan
- kempen derma darah
- program 10 000 langkah sehari
- ceramah Gaya Hidup Sihat/gigi sihat
- pameran kesihatan
- aktiviti berbasikal
- sukaneka/permainan
- menanam pokok
- faedah kepada murid
  - dapat mengetahui banyak maklumat tentang penyakit dan langkah pencegahan
  - menanamkan kesedaran dalam kalangan murid dan guru kepentingan menjaga kesihatan
- penyampaian hadiah/cenderamata

#### Penutup

- menyatakan pendapat/perasaan/harapan

\* Format laporan

tajuk/tandatangan /nama/jawatan/tarikh

\* Nota: Idea-idea lain yang berkaitan boleh diterima.

## Soalan 2

### Pendahuluan

- latar belakang guru yang saya kagumi

### Idea

- sebab dikagumi
  - penyayang/mudah mesra/baik hati/bertanggungjawab
  - guru yang hebat/sentiasa bersama murid
- kesanggupannya bertugas terutama di kawasan pedalaman
- memiliki perwatakan yang menarik
- memiliki pelbagai ilmu(sehingga digambarkan mewakili seribu buku)
- menyatakan jasa dan sumbangan guru terhadap sekolah
- memiliki hobi yang menarik

- sentiasa sabar dan gigih mencerahkan ilmu
- kebanggaan sekolah, masyarakat
- sangat berdedikasi mendidik kami
- P&P sangat menarik/tidak bosan/berkesan

**Penutup**

- panggilan cikgu dan budinya sentiasa dikenang hingga akhir hayat
- Guru Pelita Hidup, Membakar Diri untuk Menerangi Orang Lain
- berazam untuk berjumpa dengan guru tersebut/menjadi guru sepertinya

\* Nota: Idea-idea lain yang berkaitan boleh diterima.